

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

SBU422 - Isu-Isu Terpilih Dalam Pembangunan

Tarikh: 1 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
(3 jam)

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

Bahagian A (Jawab **SATU** soalan)

1. Terangkan pendekatan Beneria dan Mackintosh berlandaskan konsep-konsep
 - (a) pengeluaran
 - (b) pengembalian semula pengeluaran
 - (c) pembahagian buruh berdasarkan jantina.

Jelaskan bagaimana peranan wanita sebagai buruh domestik melangsungkan subordinasi mereka.

(40 markah)

2. Huraikan pendapat Engels tentang perkembangan institusi-institusi perkahwinan dari perkahwinan berkumpulan (group marriage) sehinggalah kepada perkahwinan monogami.

Terangkan kedudukan wanita dalam bentuk-bentuk keluarga yang berbeza ini.

Apakah sumbangan K. Sachs terhadap pendekatan materialis yang Engels gunakan.

(40 markah)

3. Bentangkan penemuan-penemuan utama Boserup tentang peranan wanita dalam pembangunan. Jelaskan perbezaan-perbezaan yang wujud di antara "sistem-sistem pertanian lelaki" dan "sistem-sistem pertanian wanita". Apakah kesan perkembangan pembangunan ke atas sistem-sistem ini.

Jelaskan perbincangan L. Beneria dan G. Sen tentang penemuan-penemuan Boserup dan kekurangan-kekurangannya.

(40 markah)

(SBU 422)

Bahagian B (Jawab DUA soalan sahaja)

4. Pengeluaran tanaman tunai telah memberi kesan kepada pembahagian buruh berdasarkan jantina di sektor padi. Jelaskan impak ini ke atas wanita senang, sederhana dan susah.
- (30 markah)
5. Jelaskan kewujudan pembahagian buruh berdasarkan jantina di sektor bandar. Huraikan bagaimana kedudukan wanita sebagai 'askar simpanan buruh' melangsungkan subordinasi mereka.
- (30 markah)
6. Apakah kaitan di antara kedudukan wanita dalam unit keluarga dan kedudukan mereka sebagai buruh upah di sektor perladangan. Huraikan bagaimana penglibatan wanita di dalam kerja-kerja domestik membezakan kedudukan mereka berbanding dengan buruh lelaki.
- (30 markah)